

PENGUMPULAN DAN PENYEDIAAN DATA STATISTIK MAHKAMAH SYARIAH: KAJIAN DI PAHANG DAN PULAU PINANG

*(Collection and Preparation of Shariah Courts' Statistical Data:
Studies in Pahang and Penang)*

Ahmad Hidayat Buang
hidayat.buang@gmail.com

Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abstrak

Makalah ini bertujuan menguji ketepatan data statistik kes yang didaftarkan dan diselesaikan oleh mahkamah syariah di Malaysia dengan mengambil negeri Pahang dan Pulau Pinang sebagai sampel kajian. Metodologi kajian menggunakan data primer daripada fail mahkamah dan temu bual. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh mahkamah syariah semasa mengumpul dan menyimpan data dengan tujuan untuk mengaitkannya dengan keberkesanan pihak mahkamah menguruskan kes. Daripada data yang dianalisis didapati data statistik yang ditunjukkan oleh mahkamah syariah boleh dipersoalkan kerana terdapat sebanyak 17.1 peratus perbezaan antara data yang disediakan oleh mahkamah syariah berbanding dengan rekod yang terdapat dalam buku kausa mahkamah syariah. Beberapa saranan penambahbaikan dikemukakan di akhir makalah.

Kata kunci: data statistik kes, mahkamah syariah, rekod, pengurusan mahkamah

Abstract

Collection and maintenance of statistical data or information is important in any organization that deals with the public, especially courts of law. The data can be used for policy decisions and action plans to improve services or strategic planning. Shariah courts in Malaysia similarly collect statistical data regarding cases registered and disposed of in their respective courts for the above purpose. Accuracy and reliability of such data is imperative so that the policies and action plans designed will solve particular problems or achieve the required objectives. The main objective of this article is to test the accuracy of statistical data collected by the Syariah courts in Malaysia by

using the Syariah courts of Pahang and Penang as samples. The methodology used in this article is data collection, with the primary data obtained from court files and interviews with officials. This article aims to identify issues and problems faced by the Syariah courts in Malaysia in the collection and maintenance of statistical data regarding court cases, and to relate these to the effectiveness of the court in administering and disposing of cases. From the data analysed, it was found that the data produced by the court is somehow questionable although not entirely unreliable where there is a difference of 17.1 percent between the data presented by the courts and their own records. The article proposes some improvements in the conclusion.

Keywords: statistical data of cases, Syariah courts, records, court management

PENDAHULUAN

Maklumat statistik atau data perangkaan bermaksud jumlah kes yang dikendalikan oleh sesebuah mahkamah bagi sesuatu tuntutan atau dakwaan bermula daripada pendaftaran sehingga penyelesaian kes. Data dikumpul oleh mahkamah untuk tujuan pentadbiran dan membantu penyediaan polisi tindakan atau perancangan strategik mahkamah, manakala bagi pihak pengkaji, data ini penting untuk tujuan melihat sejauh manakah keberkesanan perundangan atau sosioperundangan. Maklumat statistik atau data perangkaan merupakan salah satu aspek penting untuk mengukur keberkesanan aktiviti sesebuah organisasi. Antara kepentingan maklumat statistik menurut Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang termasuklah.¹

1. Untuk menjawab pertanyaan daripada masyarakat tentang jumlah kes yang dibicarakan di mahkamah. Pada masa ini, kes telah dikelompokkan secara rinci kepada jenis kes, dan latar belakang pemohon seperti pekerjaan, jantina, tempat tinggal, dan sebagainya.
2. Untuk mengenal pasti faktor sesuatu kes banyak difailkan, terutama perceraian.

Semasa penjajahan Inggeris, kes yang berkaitan dengan undang-undang Islam yang dianggap penting dilaporkan dalam jurnal undang-undang Inggeris. Norton Kyshe, E. N. Taylor dan beberapa orang lain melaporkan beberapa kes penting undang-undang Islam dalam tulisan mereka. Terdapat juga usaha untuk menyenaraikan kes undang-undang Islam yang dibicarakan di mahkamah sivil seperti yang dilakukan oleh Ahmad Ibrahim dan Abdul

¹ Temu bual di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang 22 April 2004.

Majeed dalam bentuk mimeograph bertajuk “Malaysian Cases on Islamic Law” (1974).² Namun, laporan dan penyenaian kes tidak menunjukkan jumlah sebenar kes di mahkamah syariah, apatah lagi kes yang dibicarakan di mahkamah sivil.

Dengan penubuhan mahkamah syariah atau mahkamah kadi di setiap negeri di Malaysia pada tahun 1950-an dan 1960-an melalui penggubalan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, terdapat beberapa pengkaji yang menunjukkan statistik perceraian secara umum seperti Muhamad Sufian (1962)³ dan Mehrun Siraj (1963)⁴ pengkaji tidak menyatakan dari manakah sumber data diperoleh, namun tidak syak lagi data diperoleh daripada laporan kerajaan, terutama daripada minit mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri.⁵ Dengan perkembangan pengajian Islam di Malaysia, minat untuk mendapatkan data statistik mahkamah syariah bagi tujuan penyelidikan dan penerbitan juga meningkat. Kajian Sharifah Zaleha, Maznah, Salleh dan Zaleha berjaya mengumpul data statistik mahkamah syariah. Makalah ini bertujuan menyemak dan membandingkan data terdahulu dengan data yang diperoleh kerana data tersebut tidak disediakan secara konsisten dan seragam di seluruh negara.

Data yang diperoleh daripada jabatan kerajaan yang berkaitan atau mahkamah perlu disusun semula kerana sistem yang digunakan antara negeri tidak sama. Oleh sebab itu, terdapat kesukaran untuk mendapatkan data mahkamah dengan mudah dan seragam bagi negeri di seluruh Malaysia sebelum pengenalan sistem maklumat Islam dan e-Syariah.⁶ Perkara ini

- 2 Dipetik daripada Hooker M.B, 1984. *Islamic Law in South-East Asia*. Singapura: Oxford University Press, hlm. 282. Mimeograph ini malangnya tidak dijumpai oleh pengarang di Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya. Mungkin disimpan di tempat khas di dalam perpustakaan tersebut.
- 3 Tun Muhamad Sufian menyebut kadar perceraian antara tahun 1947 hingga tahun 1957 sebanyak 25.04 peratus di Melaka dan 37.45 peratus di Pulau Pinang. Lihat Muhamad Sufian Hashim, “The Relationship between Islam and the State in Malaya” dlm. *Intisari* 1:1, hlm. 13, 1962.
- 4 Mehrun Siraj, “The Shariah Court of Singapore and Its Control of the Divorce Rate” 5:1 *MLR* 148, 1963.
- 5 Sebagai contoh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor mengeluarkan data statistik kes yang dibicarakan di mahkamah syariah pada tahun 1975 dan tahun 1976. Lihat Sembah Taklimat oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Semasa Keberangkatan DYMM Sultan Selangor Melawat Jabatan pada 5 Januari 1977, hlm. 19. (Risalah ini diperoleh daripada Puan Hajah Saidah Mohd. Fadzluah Suhaimi, iaitu Ahli Majlis Agama Islam Selangor dari tahun 1975 hingga tahun 1991).
- 6 Perkara ini bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi juga di negara lain seperti Amerika Syarikat pada masa dahulu. Terdapat pelbagai agensi kerajaan yang terlibat dengan pengumpulan data mahkamah seperti: “Collection and transmittal of timely, correct and consistent information that is useful to its recipients is a major challenge. Within a Federal Court the problems of providing such information are aggravated by the fact the court community is composed of several organizationally autonomous, though cooperating, government agencies and other organizations”. Lihat Buchanan, Jack R. dan Fennell, Richard D., “Model-Directed Information Systems for Management of the Federal Courts” dlm. *Management Science* 27:8, hlm. 887, Ogos 1981.

juga tidak selaras dengan perspektif kebebasan maklumat yang menjadi trend pada masa ini kerana pihak pengguna berhak untuk mendapatkan maklumat yang sahih tentang rekod awam. Tidak dapat dipastikan sama ada pihak mahkamah syariah menganggap rekod mereka sebagai rekod awam yang boleh disemak oleh pihak yang berkepentingan. Hal ini dikatakan demikian kerana di Malaysia terdapat undang-undang yang melarang sesetengah rekod sulit disemak oleh orang yang tidak diberikan kebenaran.⁷ Namun begitu, prinsip *common law* yang melarang rekod awam dilihat melainkan oleh mereka yang mempunyai kepentingan langsung dengan rekod berkenaan dianggap sebagai bertentangan dengan semangat institusi demokrasi oleh pihak mahkamah di Amerika Syarikat, sungguhpun pada masa ini perimbangan telah dibuat dengan menyatakan hak tersebut bukanlah kebebasan yang tidak boleh diseikat.⁸

OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Bagi tujuan pengumpulan maklumat statistik kes mahkamah syariah, Borang Maklumat Mahkamah (BMM) disediakan dan diedarkan kepada semua mahkamah di Malaysia untuk diisi. Sehingga Oktober 2003, hanya 11 negeri yang mengemback BMM. Borang ini bertindak sebagai satu petunjuk tentang beban pengendalian kes di mahkamah syariah. Analisis menunjukkan bahawa masalah penyediaan data statistik di mahkamah syariah di Malaysia. Tiga masalah utama yang dikenal pasti ialah:

1. Kesukaran untuk mendapatkan data statistik mahkamah syariah.
2. Kebanyakan mahkamah lambat memberikan maklum balas dan maklumat yang diberikan tidak lengkap. Hal ini berpunca daripada ketiadaan statistik sedia ada yang dibuat secara berkala sama ada secara bulanan atau tahunan semasa kajian dibuat. Sesetengah negeri hanya berusaha membuat perangkaan apabila diminta oleh pihak tertentu. Alasan yang kerap diberikan oleh mahkamah syariah ialah terdapat beban tugas lain yang lebih penting untuk diuruskan. Oleh sebab itu, permintaan untuk mendapatkan data berkenaan tidak dapat dilayan dengan segera.

7 Oleh hal yang demikian, sesetengah fatwa di Malaysia dianggap sulit dan tidak didedahkan kepada awam. Lihat Ahmad Hidayat Buang (ed.), 2004. *Fatwa di Malaysia*. t.t.: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

8 Dwayne Cox, "The Rise of Confidentiality: State Courts on Access to the Public Records During the Mid-Twentieth Century" dlm. *The American Archivist* 68:2, hlm. 312, 2005.

3. Ketidakteraturan kaedah pengumpulan data oleh pihak mahkamah. Data disediakan dalam pelbagai bentuk sehingga sukar untuk disatukan dalam satu jadual.
4. Keraguan terhadap kesahihan data statistik yang diberikan, terutama dari aspek kebolehpercayaan data tersebut bagi menunjukkan prestasi dan beban tugas yang ditanggung oleh mahkamah syariah. Perkara ini disadari apabila sesetengah negeri mempersoalkan data yang disediakan dari segi kewajaran jumlah kes yang dikendalikan oleh mahkamah berkenaan.

Oleh sebab data tersebut digunakan untuk menunjukkan prestasi mahkamah syariah, data tersebut perlu diuji supaya maklumat yang diperoleh tepat dan boleh diharapkan. Makalah ini bertujuan mengesahkan data mahkamah syariah melalui satu kajian perbandingan data yang disediakan oleh mahkamah syariah dengan maklumat yang terdapat dalam fail atau buku kausa mahkamah, selain mengenal pasti kaedah, teknik dan sistem yang digunakan oleh mahkamah syariah bagi menyediakan data statistik. Bagi mencapai objektif tersebut, dua mahkamah telah dipilih sebagai sampel kajian, iaitu mahkamah tinggi syariah dan mahkamah rendah syariah di Pahang dan Pulau Pinang.

Pulau Pinang dipilih kerana menyertai skim guna sama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), manakala Pahang negeri yang tidak menyertai skim guna sama JKSM.⁹ Antara mahkamah yang terpilih termasuklah Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang, Mahkamah Tinggi Syariah Temerloh dan Mahkamah Tinggi Syariah Bandaraya. Tempoh penyelidikan di kedua-dua negeri mengambil masa selama sebulan, iaitu pada bulan April 2004.

Untuk tujuan perbandingan, data statistik mahkamah tinggi syariah dipilih dalam tempoh enam bulan, manakala mahkamah rendah syariah dalam tempoh tiga bulan. Pengutipan data bermula dari bulan Januari hingga Jun 2002 bagi mahkamah tinggi dan dari bulan Januari hingga Mac 2002 bagi mahkamah rendah. Mahkamah tinggi memerlukan tempoh yang panjang kerana kes di mahkamah tinggi lebih banyak berbanding dengan mahkamah rendah. Hanya mahkamah negeri Pahang yang bersedia dengan tarikh cadangan tersebut. Bagi negeri Pulau Pinang, pihak mahkamah

9 Untuk penerangan tentang skim ini, lihat Ahmad Hidayat Buang, 2005. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 15.

mencadangkan data tahun 2003 dikutip kerana data pada tahun tersebut lebih tersusun berbanding dengan tahun 2002. Ringkasan data statistik mahkamah yang dibandingkan adalah seperti yang berikut:

Jadual 1 Tarikh dan aktiviti pengumpulan data kajian.

Mahkamah/Negeri	Mal	Jenayah	Faraid
Mahkamah Tinggi Syariah Pahang	Jan – Jun 2002	Jan – Jun 2002	Jan – Jun 2002
Mahkamah Tinggi Syariah P. Pinang	Jan – Jun 2003	Jan – Jun 2003	Jan – Jun 2003
Mahkamah Rendah Syariah Temerloh	Jan – Mac 2002	Jan – Mac 2002	Jan – Mac 2002
Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya	Jan – Mac 2003	Jan – Mac 2003	Jan – Mac 2003

Terdapat beberapa langkah yang digunakan bagi mengenal pasti data iaitu:

1. Temu bual dan pemeriksaan borang berkaitan.
Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti kaedah pengumpulan data oleh mahkamah. Temu bual melibatkan ketua hakim, pendaftar dan kakitangan sokongan yang terlibat. Pemeriksaan terhadap borang berkaitan mendapati tiada borang tertentu digunakan dalam tempoh skop kajian. Borang hanya digunakan pada tahun 2004 seperti yang disediakan oleh pihak JKSM.
2. Menyemak buku kausa kes dan membuat perbandingan dengan data statistik mahkamah yang sedia ada.
Dengan bantuan pembantu penyelidik, semakan dibuat terhadap buku kausa kes berdasarkan skop yang telah ditentukan. Jika terdapat perbezaan antara semakan yang dibuat dengan data yang disediakan, pihak mahkamah diminta memberikan penjelasan.

Data yang diperolehi telah dianalisis secara kualitatif, bagi menunjukkan signifikannya perbezaan antara data yang disediakan oleh mahkamah syariah dengan data yang terdapat dalam buku kausa dan fail kes. Semua data yang dikutip sah setakat bulan Disember 2005. Selain itu, perbandingan juga dibuat terhadap amalan dan data semasa melalui tinjauan terhadap laman web agensi berkaitan.

POLISI PENTADBIRAN PENGUMPULAN DATA STATISTIK MAHKAMAH SYARIAH

Data statistik kes mahkamah syariah sudah mula dikumpulkan sejak mahkamah syariah sudah berada di bawah jabatan agama Islam lagi. Apabila berlaku pemisahan antara jabatan agama Islam dengan mahkamah syariah pada 19 Januari 1995 di Pahang dan 1 Januari 1997 di Pulau Pinang (meskipun Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang telah ditubuhkan sejak 1 Jun 1994), data tidak dapat dikumpulkan dengan sempurna kerana tumpuan banyak diberikan kepada proses peralihan pentadbiran. Data kes hanya dapat dikumpulkan dengan baik selepas beberapa tahun pemisahan pentadbiran mahkamah syariah daripada jabatan agama Islam. Meskipun perkara ini tidak sepatutnya berlaku, namun tekanan beban tugas yang banyak, kekurangan tenaga manusia dan proses kerja yang masih belum jelas menyebabkan keutamaan diberikan kepada aspek lain seperti pengendalian kes di mahkamah syariah, pentadbiran jabatan, pengambilan dan latihan kakitangan, serta pembangunan infrastruktur.

Selepas pemisahan mahkamah syariah daripada jabatan agama Islam, amalan pengumpulan data kes mahkamah syariah masih sama seperti semasa berada di bawah jabatan agama Islam dahulu. Oleh sebab data kes mahkamah syariah sebelum pemisahan tidak seragam dan sempurna, keadaannya masih sama selepas penubuhan JKSM pada 1 Mac 1998. Pengumpulan data kes mahkamah syariah masih belum dilakukan secara sistematik. Hanya melalui Arahan Amalan JKSM No. 3 Tahun 2000, pengumpulan data kes mahkamah syariah diberikan perhatian. Arahan Amalan ini menghendaki laporan bulanan yang berhubung dengan kes mal, jenayah, faraid dan kes rayuan hendaklah disediakan, serta salinannya dihantar kepada JKSM menggunakan format borang seperti yang ditetapkan mulai 1 Mac 2001. Sungguhpun demikian, daripada temu bual yang dibuat didapati Arahan Amalan ini tidak dapat diikuti sepenuhnya pada peringkat negeri.

Pemisahan antara mahkamah syariah dengan jabatan agama Islam juga menyebabkan data perkahwinan diuruskan oleh jabatan agama Islam secara berasingan daripada mahkamah syariah. Seperti mahkamah syariah, usaha dilakukan untuk menyelaraskan maklumat perkahwinan pasangan yang beragama Islam di antara negeri di Malaysia oleh Cawangan Maklumat, Bahagian Perkhidmatan ICT, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Usaha penyelarasan ini sudah bermula sejak dari tahun 1985 melalui penubuhan Cawangan Penyelidikan Islam di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang menyediakan maklumat yang dikenali

sebagai Sistem Maklumat Islam (SISMI).¹⁰ Sistem ini kemudiannya diperkemas dan diperluas bagi merangkumi beberapa subsistem seperti e-fatwa, e-solat, e-halal, e-wakaf dan Sistem Maklumat Perkahwinan Islam (SIMPI). Data perkahwinan Islam SIMPI negeri-negeri di Malaysia telah disebarikan secara dalam talian sejak Jun 2004. SIMPI merupakan satu aplikasi berasaskan teknologi web dan pangkalan data maklumat bagi perkahwinan umat Islam (melalui laman sesawang www.simpi.gov.my). Sistem maklumat ini merangkumi semua perkahwinan rakyat Malaysia yang beragama Islam, walaupun pernikahan berlangsung di luar negara seperti yang berikut:

1. Merangkumi semua peringkat dalam urusan nikah, cerai dan rujuk di pejabat Pendaftar Nikah seluruh negara, dari segi pendaftaran dan juga aliran kerja.
2. Dari segi tarikh pernikahan, rujuk dan perceraian, SIMPI merangkumi pendaftaran pada tahun 70-an atau lebih awal sehingga kini.
3. Maklumat yang dibekalkan oleh SIMPI merangkumi jumlah perkahwinan, perceraian, rujuk dan poligami mengikut daerah bagi setiap negeri di Malaysia pada setiap bulan. Namun, maklumat tersebut tidak meliputi semua negeri setakat Mei 2005. Sungguhpun demikian, tinjauan terhadap laman web JAKIM pada 17 Ogos 2011 mendapati maklumat dalam SIMPI ini sudah tidak lagi dibekalkan. Tinjauan terhadap beberapa laman web jabatan agama Islam negeri seperti Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan dan Melaka mendapati tiada data statistik perkahwinan dan pendakwaan atau penguatkuasaan, kecuali Melaka yang membekalkan maklumat tentang penguatkuasaan. Perkara ini amat mendukacitakan meskipun tidak dinafikan pihak JAKIM dan jabatan agama Islam negeri menyimpan dan menyediakan data berkenaan, terutama yang berkaitan dengan perkahwinan dan pendakwaan atau penguatkuasaan kes.

Bagi mahkamah syariah, maklumat tentang jumlah kes mahkamah turut disebarikan melalui teknologi komputer dengan pengenalan konsep e-Syariah yang dilancarkan pada 7 Februari 2003.¹¹ Arahan Amalan No. 10

10 Lihat perbincangan konsep awal oleh Jalaluddin Ali Hassan, 1989. "Implementing an Islamic Information System for Strategic Management: The Malaysia Experience". Kertas kerja dalam Third Congress of Muslim Librarian and Information Scientists. Ankara: Ministry of Culture and General Directorate of Libraries and Publications, Jilid 1, hlm. 424-47, 24-26 Mei 1989.

11 Pelancaran disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri ketika itu, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun). E-Syariah pada mulanya dijangka sempurna pembangunannya pada Mac 2005 tetapi dilanjutkan sehingga September tahun yang sama. Lihat sinopsis "Sejarah

Tahun 2003 telah membatalkan format Laporan Bulanan Arahan Amalan No. 3 Tahun 2000 dengan melampirkan format borang laporan bulanan kes yang baharu. Pemerhatian terhadap borang tersebut mendapati terdapat dua pecahan utama, iaitu kes mal dan jenayah. Butiran yang dikumpul melalui borang ini merangkumi jumlah dan jenis kes yang dikendalikan oleh pelbagai peringkat mahkamah secara bulanan dan tahunan. Maklumat kes yang dikumpulkan dalam pecahan kes mal terdiri daripada baki kes yang dibawa dari bulan sebelumnya, pendaftaran kes baharu, kes yang diselesaikan, kes yang ditangguhkan, kes yang ditarik balik, kes yang dipindahkan, kes yang belum dibicarakan, kes yang dibuang dan hasil yang diperolehi daripada pengendalian kes berkenaan. Terdapat juga pecahan khusus kes faraid. Dalam pecahan kes jenayah, maklumat kes yang dikumpulkan sama sahaja dengan kes mal. Hasilnya, pihak JKSM telah melaporkan data statistik mahkamah syariah di seluruh Malaysia mulai tahun 2003. Sungguhpun begitu, laporan tersebut masih belum lengkap kerana ada negeri yang masih belum memasukkan data yang berkaitan.¹² Kini data bagi tahun 2003 sudah dimuatkan dalam laman web JKSM. Data tersebut agak umum kerana tidak merincikan bentuk tindakan seperti perceraian, tuntutan nafkah, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pecahan bagi permohonan poligami diasingkan daripada tindakan mal. Agak sukar untuk difahami mengapakah penekanan diberikan kepada permohonan poligami berbanding dengan kes lain, terutama perceraian.

Tinjauan terhadap laman web JKSM pada 17 Ogos 2011 mendapati menu data tentang pengurusan kes disediakan di Bahagian Pengurusan Kes Mahkamah syariah. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut tidak dapat diakses secara terbuka. Sementara itu, tinjauan terhadap laman web mahkamah syariah di Pahang dan Pulau Pinang mendapati kedua-dua negeri tersebut menyediakan data kes mahkamah. Di Pahang, terdapat tambahan data bagi kes yang diuruskan di bawah Bahagian Sokongan Keluarga, JKSM dan kes yang diuruskan oleh Unit Sulh. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dan peningkatan mutu kerja di kedua-dua negeri tersebut sejak kajian dilakukan. Daripada tinjauan yang dibuat didapati data kes mahkamah syariah di seluruh Malaysia meskipun disediakan oleh pihak JKSM dan JAKIM, data tersebut tidak terdedah kepada umum. Keadaan ini

Samb.

Pelaksanaan e-Syariah”, JKSM, 2003, hlm. 24 dan Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 2005. “Syariah Court: Delay in the Delivery System of Administration of Justice” (teks dalam bahasa Melayu). Kertas kerja dalam Forum on the Right to an Expedient and Fair Trial. Kuala Lumpur, hlm. 23, 7–8 April 2005.

12 Data statistik kes negeri Perak dan Perlis tidak dimasukkan dalam *Laporan Tahunan JKSM* 2003, hlm. 52–53.

berbeza daripada negara ASEAN lain, terutama Indonesia dan Singapura. Kedua-dua negara tersebut mempunyai data kes mahkamah syariah yang terbuka kepada umum melalui talian. Tinjauan yang dibuat terhadap laman web Mahkamah Agung Republik Indonesia menunjukkan bahawa maklumat statistik kes yang didaftarkan, kes yang selesai, baki kes yang dibawa ke hadapan dan baki kes tahun semasa, serta pecahan peratusan kes mengikut tajuk dan tingkat mahkamah disediakan dan dibuka kepada umum secara dalam talian.¹³ Begitu juga di Singapura, selain penerbitan rasmi, data berkenaan¹⁴ juga disediakan secara dalam talian dengan pecahan perkahwinan secara keseluruhan mengikut pendaftaran di bawah undang-undang berkaitan, iaitu *Women Charter* dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam. Pecahan peratusan dan analisis statistik diberikan antara lainnya terhadap perkahwinan berbeza etnik, perkahwinan kali pertama, perkahwinan di bawah umur, median umur perkahwinan, median tempoh perkahwinan bagi pasangan yang bercerai dan peratusan isteri yang memohon perceraian.¹⁵ Sehingga kini, masih belum mempunyai sistem maklumat perundangan seperti negara maju (Amerika Syarikat dan Eropah).¹⁶ Walau bagaimanapun, Sistem SIMPI ini jika diteruskan mungkin dapat dianggap sebagai sistem maklumat Islam, manakala sistem e-Syariah boleh dianggap sebagai sistem maklumat syariah pada tahap permulaan.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA STATISTIK MAHKAMAH SYARIAH

Melalui temu bual dengan ketua hakim syarie dan pegawai lain di kedua-dua negeri, kaedah pengumpulan data dibuat secara manual dengan menghitung kes daripada buku kausa dan menyemak sesetengah butiran yang kurang jelas dalam fail kes.

Buku kausa bermaksud buku rekod yang mengandungi butiran kes yang direkodkan dalam satu daftar untuk mahkamah berkenaan.¹⁷ Amalan

13 <http://www.badilag.net/statistik-perkara/7969-informasi-keperkaraan-peradilan-agama-tahun-2010.html> (Capaian pada 17 Ogos 2011).

14 Diterbitkan dalam *Annual Report of the Registry of Muslim Marriage and the Syariah Court* sejak dari tahun 1960 oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan Singapura.

15 <http://app1.mcys.gov.sg/Portals/0/Files/SPRD/Key%20Indicators%20on%20Marriages%20and%20Divorces,%202004-2009.pdf> (Capaian pada 17 Ogos 2011).

16 *Legal informatics* bermaksud kajian terhadap maklumat dan kesan penggunaan teknologi terhadap undang-undang. Lihat Christopher L. Hinson, "Legal Informatics: Opportunities for Information Science" dlm. *Journal of Education for Library and Information Science* 46:2, hlm. 134, 2005.

17 Pada masa pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah di wilayah Arab seperti Mesir dan Palestin, rekod percikaraan dikenali sebagai *sijill*, manakala keputusan atau perintah mahkamah dikenali

menyimpan rekod kes dalam buku kausa sudah bermula sejak dahulu lagi, iaitu semasa mahkamah syariah berada di bawah jabatan agama Islam negeri. Pada masa itu, tujuan utama buku kausa adalah untuk menentukan nombor pendaftaran kes. Terdapat tiga buah buku kausa di kedua-dua negeri, iaitu buku kausa mal, jenayah dan faraid. Buku kausa faraid merupakan rekod baharu di mahkamah syariah. Sebagai contoh, buku kausa faraid mula diperkenalkan di Pahang pada 4 Mac 2002. Sebelum itu, kes faraid dicantumkan bersama-sama kes mal. Alasan mengasingkan kes faraid daripada kes mal kerana kes faraid melibatkan permohonan sebelah pihak untuk pengesahan pengiraan seperti daripada pejabat tanah atau pentadbir pusaka. Jika kes faraid tersebut melibatkan perbicaraan, kes tersebut akan didaftarkan dalam buku kausa mal. Butiran kes yang direkodkan oleh buku kausa di Pahang dan Pulau Pinang adalah seperti yang berikut:

No. Kes
Tarikh Daftar
Nama yang Menuntut dan Alamat Penyampaian
No. Kad Pengenalan
Nama yang Kena Tuntut dan Alamat Penyampaian (Peguam Cara, Jika Ada)
No. Kad Pengenalan
Jenis Tuntutan
Pendaftaran
Penolakan atau Tuntutan Balas
No. Resit dan Tarikh
Bayaran Lain dan No. Resit
Tarikh Sebutan/Bicara
Pengkakiman
Catatan

(Buku kausa mal Mahkamah Syariah Negeri Pahang
termasuk buku kausa faraid)

Samb.

sebagai *mahdar* yang sebelum itu, dikenali sebagai *kitāb*. Oleh itu, *kitāb al-qādī* bermaksud catatan atau rekod mahkamah. Lihat Ahmad Hidayat Buang, 2008. "Penulisan Teks Penghakiman dalam Perundangan Islam" dlm. Ruzman Md. Noor (ed.). *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 1–18. Untuk rekod, pada zaman Uthmaniyyah lihat Reem A. Meshal, 2006. "The State, the Community and the Individual: Local Custom and the Construction of Orthodoxy in the Sijills of Ottoman Cairo 1558-1646". PhD McGill University, hlm. 124-29. Untuk zaman sebelum Uthmaniyyah lihat Wael Hallaq, "The Qadi's Diwan (Sijill) before the Ottoman" dlm. *BSOAS* 6:3, hlm. 418–33, 1998.

No. Kes
Tarikh Daftar
Nama yang Kena Tuduh dan Alamat
No. Kad Pengenalan
Umur
Tuduhan di Bawah Seksyen
Rujukan Pendakwa
Denda No. Resit dan Tarikh
Tempat Ditangkap
Tarikh Sebutan/Bicara
Hukuman yang Dijatuhkan
Catatan

(Buku kausa jenayah Mahkamah Syariah Negeri Pahang)

Tarikh Daftar
No. Kes
Yang Menuntut (No. Kad Pengenalan dan Alamat)
Butir Wakil/Peguan
Yang Kena Tuntut (No. Kad Pengenalan dan Alamat)
Butir Wakil/Peguan
Jenis Tuntutan
Tarikh Bicara
Keputusan/Perintah
Catatan

(Buku kausa mal Mahkamah Syariah Pulau Pinang)

Tarikh Daftar
No. Kes
Orang Kena Tuduh (No. Kad Pengenalan dan Alamat)
Umur
Butir Jaminan
Jenis Kesalahan/Seksyen
Tarikh Bicara
Keputusan/Hukuman
No. Resit (Denda)
Butir-butir Waran
Catatan

(Buku kausa jenayah Mahkamah Syariah Pulau Pinang)¹⁸

Bil
Tarikh Daftar
No. Kes
Nama Pemohon
Nama Si Mati
Jenis Harta
Nilai Harta
Catatan

(Buku kausa faraid Mahkamah Syariah Pulau Pinang)

18 Buku kausa jenayah mempunyai persamaan dengan amalan di negara lain. Sebagai contoh, maklumat yang dikumpulkan dalam kes jenayah di mahkamah peringkat persekutuan Amerika Syarikat ialah (1) nama pihak yang terlibat, (2) jenis kesalahan, (3) tarikh perjalanan perbicaraan dalam susunan kronologi, (4) nama hakim, (5) nama peguam, (6) undang-undang dan kes yang berkaitan. Buchanan, Jack R. dan Fennell, Richard D., "Model-Directed Information Systems for Management of the Federal Courts" dlm. *Management Science* 27:8, hlm. 887, Ogos 1981.

Bilangan
Perayu/Alamat
Responden/Alamat
No. Kes
Tarikh Penghakiman
Tarikh Serah Notis Rayuan (14 Hari)
Bayaran Notis Rayuan
Tarikh Pemberitahu Salinan Penghakiman Siap (6 minggu)
Tarikh Perayu Mendepositkan Wang Jumlah Deposit (14 hari)
Tarikh Mengemukakan Petisyen/Memorandum Rayuan (14 hari)
Tarikh Rekod Rayuan Dihantar kepada Pendaftar Mahkamah
No. Fail Rayuan
Catatan

(Buku kausa daftar rayuan mal Mahkamah Syariah Pulau Pinang)

Bil
Perayu/Alamat
Responden/Alamat
No. Kes
Tarikh Penghakiman
Tarikh Serah Notis Rayuan (14 hari)
Bayaran Notis Rayuan
Tarikh Serah Penghakiman (6 minggu)
Tarikh Serah Petisyen Rayuan (10 hari)
Tarikh Serah Naskhah Rayuan kepada Pendaftar
No. Fail Rayuan
Catatan

(Buku kausa daftar rayuan jenayah Mahkamah Syariah Pulau Pinang)

Seperti yang dinyatakan, ketiga-ketiga buku kausa ini mengikut jenis mahkamah. Oleh sebab mahkamah tinggi syariah juga mendengar kes rayuan, mulai tahun 2004 buku kausa berasingan bagi kes rayuan mahkamah tinggi syariah telah diwujudkan. Sebelum itu, semua kes rayuan direkodkan bersama-sama kes baharu. Kes baharu dengan kes rayuan dibezakan melalui nombor pendaftaran yang berlainan. Sementara itu, bagi kes faraid, Mahkamah Syariah Pahang telah lama mengamalkan peraturan melampirkan salinan sijil faraid dalam buku kausa faraid.

Jika maklumat dalam buku kausa ini tidak mencukupi, kakitangan berkaitan akan membuka fail kes untuk maklumat lanjut. Maklumat yang direkodkan dalam buku kausa dan fail kes akan dihitungkan secara manual satu per satu pada setiap bulan¹⁹ dan dipindahkan ke dalam borang data statistik mahkamah. Butiran yang terdapat dalam borang tersebut sebelum pengenalan e-Syariah adalah seperti yang berikut:

Jenis Kes

Bulan Semasa Daftar

Bulan Semasa Selesai

Baki Bulan dalam Tahun Daftar

Baki Bulan dalam Tahun Selesai

Bawa dari Tahun Sebelumnya

Tugas memindahkan data daripada buku kausa dalam borang yang disediakan letak di bawah tanggungjawab penolong pendaftar pada setiap bulan. Pengiraan dibuat mengikut kesenangan pegawai berkenaan sama ada seminggu sekali atau sebulan sekali. Namun, bagi negeri Pahang, laporan data yang sudah diisi dalam borang yang disediakan mesti disiapkan pada setiap 8 hari bulan setiap bulan. Laporan data tersebut perlu disahkan oleh hakim atau pendaftar dan dihantar ke ibu pejabat secara pos. Data tersebut kemudiannya dihantar kepada pihak JKSM pada setiap 10 hari bulan setiap bulan. Menurut amalan negeri Pahang, kes yang selesai dicatat dalam buku kausa dengan dakwat biru dan fail berkenaan dimasukkan ke dalam kotak selesai yang diberikan nombor berkaitan.

Kaedah yang sama diamalkan di Pulau Pinang. Tugas memindahkan maklumat daripada buku kausa ke dalam borang yang disediakan perlu dilakukan pada setiap 10 hari bulan setiap bulan.²⁰ Untuk memudahkan tugas pengumpulan maklumat, pihak pengurusan mahkamah telah mengadakan perbincangan dengan kakitangan terlibat. Semenjak penggunaan komputer di Pulau Pinang, data dimasukkan ke dalam komputer dan dihantar secara elektronik kepada ketua hakim melalui e-mel dengan menggunakan format perisian MS Excel. Selepas pengenalan e-Syariah versi kedua pada 23 April 2004, sistem manual seperti sekarang tidak dipakai lagi di negeri

19 Di negeri Pahang, sebelum Januari 2004, statistik kes mahkamah dikumpulkan setiap tiga bulan.

20 Namun, dari segi amalannya tidak semua mahkamah syariah di Pulau Pinang menghantar laporan tersebut tepat pada masa yang ditetapkan. Temu bual dengan YAA Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang diadakan pada 22 April 2004.

yang menggunakan sistem JKSM. Berdasarkan maklumat dari Pulau Pinang, kes fariad selepas pengenalan e-Syariah akan digabungkan dengan kes mal. Alasan yang diberikan adalah kerana mahkamah kini sudah membicarakan kes faraid, tidak seperti dahulu yang hanya mengesahkan agihan faraid. Format data borang maklumat kes e-Syariah adalah seperti yang berikut:

Bil
Kod Kes
Jenis Kes
Baki
Daftar
Selesai
Tangguh
Tarik Balik
Pindah Kes
Belum Bicara
Buang Kes
Hasil Kutipan

Format borang ini mempunyai persamaan dengan borang statistik mahkamah sivil. Terdapat cadangan untuk memperkenalkan borang statistik yang baharu di mahkamah sivil pada masa kajian dibuat pada September 2003.²¹ Cadangan borang baharu ini mengandungi beberapa pembaharuan antaranya (1) peratus kes selesai per bulan berbanding kes yang dibawa dari bulan lepas dan kes daftar bulan semasa, (2) peratus kes selesai berbanding kes daftar bulan semasa, dan (3) pecahan bentuk penyelesaian kes sama ada secara panggilan saksi, affidavit atau kes rayuan. Data yang diperoleh daripada borang tersebut mencerminkan dengan lebih tepat beban tugas hakim, sungguhpun agak rumit untuk dimasukkan data yang berkaitan.

PERBANDINGAN DATA STATISTIK MAHKAMAH SYARIAH DAN SEMAKAN BUKU KAUSA

Data statistik yang diperoleh daripada pentadbiran mahkamah melalui kaedah pengumpulan dibandingkan dengan kes yang terdapat dalam buku kausa. Seperti pihak mahkamah, pihak penyelidik juga menghitung kes tersebut

21 Berdasarkan temu bual dengan Encik Mohamad Onn Abd Aziz, Penolong Kanan Pendaftar, Bahagian Penyelidikan dan Tugas-tugas Khas, Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 19 September 2003.

secara manual. Namun begitu, bagi memastikan jumlah yang dihitung tepat, pihak penyelidik akan mengesahkannya dengan pihak mahkamah. Oleh hal yang demikian, perbezaan atau persamaan yang ada antara kausa dengan borang statistik, jika ada disahkan bersama-sama oleh pihak mahkamah. Melalui perbandingan yang dilakukan, terdapat perbezaan antara jumlah kes yang direkodkan dalam buku kausa dengan borang statistik yang disediakan di tempat kajian seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Perbandingan statistik kes Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang bagi Januari–Jun 2003.

Bulan		Daftar			Selesai		
		Data Mahkamah	Buku Kausa	Perbezaan	Data Mahkamah	Buku Kausa	Beza
Mal	Jan.	22	22	0	20	13	7
	Feb.	13	13	0	15	3	12
	Mac	43	43	0	16	14	2
	April	19	19	0	5	8	-3
	Mei	28	28	0	17	19	-2
Jenayah	Jan.	36	36	0	52	36	16
	Feb.	65	65	0	34	43	-9
	Mac	63	63	0	47	42	5
	April	83	83	0	72	75	-3
	Mei	67	66	1	50	65	-15
	Jun	73	72	1	47	32	15
Faraid	Jan.	40	40	0	36	37	-1
	Feb.	21	21	0	24	19	5
	Mac	32	32	0	29	27	2
	April	41	41	0	39	40	-1
	Mei	39	39	0	39	43	-4
	Jun	29	29	0	19	30	11

Jadual 2 Perbandingan statistik kes Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Pulau Pinang bagi Januari–Mac 2003.

Bulan		Daftar			Selesai		
		Data Mahkamah	Buku Kausa	Perbezaan	Data Mahkamah	Buku Kausa	Beza
Mal	Jan.	46	46	0	105	38	67
	Feb.	47	47	0	134	53	81
	Mac.	65	65	0	131	78	53
Jenayah	Jan.	8	8	0	5	5	0
	Feb.	11	11	0	5	5	0
	Mac.	21	21	0	5	5	0
Faraid	Jan.	1	1	0	1	1	0
	Feb.	2	2	0	2	2	0
	Mac.	3	3	0	3	2	1

Jadual 3 Perbandingan kes mal dan jenayah Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, Pahang bagi Januari–Jun 2002.*

Bulan	Daftar			Selesai		
	Data Mahkamah	Buku Kausa	Beza	Data Mahkamah	Buku Kausa	Beza
Mal	63	64	-1	22	41	-19
Jenayah	8	8	0	2	2	0

*Mahkamah tidak membuat pecahan secara bulanan.

Jadual 4 Perbandingan kes mal Mahkamah Rendah Syariah Temerloh bagi Januari–Mac 2002.*

Bulan	Daftar			Selesai		
	Data Mahkamah	Buku Kausa	Beza	Data Mahkamah	Buku Kausa	Beza
Mal	76	75	1	36	69	-33
Jenayah	4	4	0	0	0	0
Faraid	1	1	0	0	0	0

*Mahkamah tidak membuat pecahan secara bulanan.

Dapatan daripada Jadual 1–4 diringkaskan seperti Jadual 5 berikut:

Jadual 5 Perbezaan antara data mahkamah dengan buku kausa.

Mahkamah	Bentuk Kes						Jumlah
	Mal		Jenayah		Faraid		
	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	Daftar	Selesai	
MTS P. Pinang	0	26	2	53	0	18	99
MRS Bandaraya	0	201	0	0	0	1	202
MTS Pahang	1	19	0	0	0	0	20
MRS Temerloh	1	33	0	0	0	0	34
Jumlah	2	279	2	53	0	19	355

Secara keseluruhannya jumlah perbezaan tidak begitu ketara, iaitu sebanyak 17.1 peratus atau 355/2082. Namun, jika dipecahkan kepada bentuk kes didapati jumlah kes mal mencatatkan jumlah yang terbanyak, iaitu sebanyak 30.4 peratus atau 281/923. Kebanyakan perbezaan berlaku pada data penyelesaian kes, iaitu 279 perbezaan daripada jumlah keseluruhan 281. Dari segi mahkamah pula didapati kedua-dua mahkamah rendah mencatatkan perbezaan yang besar, iaitu sebanyak 34 peratus atau 202/395 bagi Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Pulau Pinang dan diikuti oleh Mahkamah Rendah Syariah Temerloh sebanyak 29.1 peratus atau 34/117.

Data tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara yang berlaku semasa mengira kes mal yang selesai kerana buku kausa berlainan terpaksa dibuka untuk mendapatkan maklumat tentang kes selesai, iaitu buku kausa yang mendaftarkan kes tersebut. Perkara ini berlaku kerana tempoh penyelesaian kes mal mengambil masa yang panjang berbanding dengan kes jenayah dan faraid. Daripada temu bual yang dilakukan, pihak mahkamah tidak mempunyai daftar khusus untuk mencatat kes yang selesai pada bulan berkenaan. Daftar khusus ini akan memudahkan pengiraan kes yang selesai, seperti kes daftar kerana pengiraan dibuat dalam buku kausa yang sama. Selain itu, masalah ini berlaku oleh faktor berikut:

1. Terdapat perbezaan yang lebih besar antara laporan statistik dengan buku kausa antara mahkamah rendah berbanding dengan mahkamah tinggi. Keadaan ini menunjukkan kualiti kerja yang berbeza antara kedua-dua mahkamah.
2. Perbezaan pengiraan bagi pendaftaran kes jenayah dengan kes faraid adalah sedikit. Perkara ini berlaku kerana jumlah kes tersebut sedikit berbanding dengan kes mal yang tinggi dan tempoh penyelesaian kes yang pendek.
3. Bilangan kes jenayah yang rendah di Pahang berpunca daripada kekosongan jawatan ketua pendakwa syarie yang tidak diisi. Akibatnya pendakwaan sesetengah kes tidak dapat dibuat kerana undang-undang mensyaratkan kes tersebut perlu dikemukakan oleh ketua pendakwa syarie.

MASALAH DAN RUNGUTAN MAHKAMAH DALAM PENYEDIAAN DATA

Daripada temu bual yang dijalankan masalah yang dibangkitkan oleh kakitangan mahkamah semasa melakukan pengiraan kes adalah seperti yang berikut:

1. Pihak mahkamah syariah bersetuju bahawa data statistik yang disediakan tidak seratus peratus tepat kerana terdapat kesilapan yang dilakukan. Perkara ini berlaku kerana mahkamah tidak mempunyai kakitangan yang terlatih atau mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan.
2. Tersalah memasukkan tarikh penyelesaian kes dalam buku kausa. Pemasukan data ke dalam borang tersebut dibuat secara ingatan tanpa membuat pembedaan dalam buku kausa. Sebagai contoh, statistik

penyelesaian faraid bulan Mac 2003 Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Pulau Pinang. Kakitangan mahkamah mencatatkan kes tersebut selesai apabila sijil faraid dipungut pada bulan berikutnya dan bukan mengikut tarikh penyelesaian di mahkamah.

3. Penyesuaian dengan maklumat sistem e-Syariah. Mana-mana kekurangan yang berlaku dalam sistem e-Syariah akan disesuaikan melalui jumlah yang terdapat dalam buku kausa. Amalan ini jika benar berlaku boleh dianggap sebagai satu bentuk pengadaaan data (*tempering of data*) dan harus dielakkan.
4. Kes mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan di Pahang sebelum tahun 2004 dicatat dalam buku kausa yang sama. Perkara ini akan menimbulkan kesukaran semasa membuat pengiraan kes. Kes faraid sebelum tahun 2001 juga dicatat dalam buku kausa yang sama dengan kes mal.
5. Pemecahan kes mengikut seksyen permohonan atau kesalahan telah menimbulkan kesukaran untuk mengira bilangan kes. Permohonan kes dibuat oleh pemohon yang sama, namun bagi tujuan pengiraan kes mungkin melibatkan beberapa bentuk permohonan atau kes.
6. Kekeliruan dalam pengiraan kes selesai berpunca daripada faktor tempoh penyelesaian kes yang panjang, serta tarikh dan cap selesai tidak dimasukkan ke dalam buku kausa oleh kakitangan mahkamah. Perkara ini berlaku kerana kakitangan berkenaan terpaksa menanggung beban tugas yang banyak sehingga tidak sempat untuk memasukkan tarikh dan cap selesai.
7. Beberapa maklumat seperti penjenisan kes, bentuk kesalahan dan permohonan tidak direkodkan dalam buku kausa. Hal ini menyebabkan pengiraan kes agak sukar dilakukan.
8. Beberapa maklumat tidak dicatat dengan sempurna dalam buku kausa seperti tarikh penangguhan kes. Perincian maklumat hanya boleh diketahui dengan merujuk fail kes.

Alasan yang diberikan bagi perkara 7 dan 8 adalah disebabkan oleh kakitangan tidak memberikan tumpuan sepenuhnya kepada tugas pengiraan jumlah kes kerana terdapat beban tugas lain yang mendesak. Di Pulau Pinang sebagai contoh, pihak mahkamah tidak menumpukan perhatian pada statistik kes pada tahun 2002. Kemas kini buku kausa hanya dilakukan pada tahun 2003 apabila timbul keperluan untuk memenuhi arahan JKSM. Melalui temu bual dengan kakitangan mahkamah, beberapa rungutan atau masalah telah dibangkitkan semasa uji cuba memasukkan data berkenaan dibuat, antaranya:

1. Buku kausa tidak mempunyai halaman, oleh itu, agak sukar untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu kes.
2. Terdapat kesukaran untuk menentukan jumlah perbicaraan dan penangguhan kes akibat pemakaian sistem kod JKSM.
3. Penggunaan format borang JKSM yang baharu menimbulkan masalah untuk menentukan kes yang selesai bagi tujuan semakan kerana tidak memasukkan ruang kes yang dibawa dari bulan sebelumnya.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Perbincangan menunjukkan bahawa terdapat beberapa kesilapan dalam pengiraan data kes mahkamah syariah. Sungguhpun peratusan kesilapannya sederhana, iaitu 17.1 peratus, namun kesilapan ini perlu dielakkan bagi memastikan kesilapan berada dalam julat yang munasabah, iaitu antara dua hingga lima peratus. Walau bagaimanapun, kesilapan tersebut berlaku secara ketara di mahkamah rendah syariah sebanyak 34 peratus di Pulau Pinang dan 29.1 peratus di Pahang. Kesilapan ini berpunca daripada dua faktor utama, iaitu kelemahan sistem atau proses yang digunakan bagi mengumpulkan data dan ketiadaan kakitangan terlatih yang mengakibatkan kesilapan berlaku. Pihak mahkamah memang menyedari masalah pengiraan data statistik mahkamah yang berlaku.

Lazimnya, pihak pengurusan mahkamah akan mengadakan perbincangan dengan kakitangan yang terlibat dengan pengiraan data supaya dapat melaksanakan tugas tersebut dengan cara yang terbaik. Taklimat juga diadakan bagi menyelaraskan dan meningkatkan mutu tugas antara mahkamah di daerah. Masalah pengiraan kes yang lambat diselesaikan cuba diatasi di Pahang dengan mengadakan kotak selesai. Fail kes yang selesai akan dimasukkan ke dalam kotak selesai yang disediakan mengikut tahun dan jenis kes mal dan jenayah. Kotak tersebut diberikan nombor mengikut jenis kes, tahun dan bilangan. Nombor ini akan direkodkan dalam buku kausa pada bahagian nombor kes dengan menggunakan pen dakwat biru bagi membezakannya dengan catatan lain yang menggunakan pen dakwat hitam. Sungguhpun demikian, kesalahan pengiraan kes masih tetap berlaku.

Oleh itu, faktor kelemahan sistem mungkin akan dapat diselesaikan melalui pengenalan e-Syariah kerana pengiraan secara manual tidak lagi berlaku. Mahkamah mempunyai harapan yang optimistik bahawa masalah ini akan dapat diselesaikan. Sungguhpun demikian, satu uji cuba perlu

dilakukan di negeri yang terlibat bagi menyemak semula pengiraan kes yang telah dibuat. Perkara ini penting untuk memastikan jumlah kes yang dikendalikan oleh mahkamah syariah tepat bagi tujuan perancangan masa hadapan.²² Dicadangkan semua mahkamah syariah di Malaysia menyemak semula pengiraan kes semenjak tahun 2000 dengan menggunakan kaedah yang digunakan dalam makalah ini atau mana-mana kaedah yang lebih baik.

Di samping itu, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan bagi memperkemas kaedah pengiraan dan pemasukan data kes mahkamah syariah. Antaranya termasuklah melatih atau melantik kakitangan khusus dalam pengiraan data statistik. Selain kursus, tahap kecekapan kakitangan perlu dipertingkatkan melalui pemantauan atau pemeriksaan rekod secara berkala, selain merupakan satu sistem perekodan yang lebih sistematik. Kes selesai dalam bulan berkenaan direkodkan di satu tempat yang mudah untuk dikira dan buku rekod khusus perlu disediakan. Di samping itu, satu kajian perbandingan perlu dilakukan dan mengemukakan cadangan menggunakan borang statistik mahkamah sivil. Beberapa kriteria borang tersebut boleh diguna pakai oleh mahkamah syariah supaya dapat melihat beban tugas mahkamah dengan lebih tepat lagi.

22 Di Amerika Syarikat, data kes bukan sahaja digunakan untuk tujuan mengukur prestasi mahkamah dan perancangan tetapi juga dalam pembuktian, terutama yang berkaitan dengan prinsip undang-undang *balance of probability* dalam kes perceraian secara *ex-parte*. Lihat K. Mengersen *et al.*, "Causality and Association: The Statistical and Legal Approaches" dlm. *Statistical Science* 22:2, hlm. 227, 2007.

PENGHARGAAN

Penulisan ini dibuat melalui dana penyelidikan IRPA UM 07-02-03-0767 bertajuk “Keberkesanan Mahkamah Syariah Menangani Kes Kekeluargaan Islam, Jenayah Syariah dan Mal di Malaysia”. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan bantuan yang diberikan bagi menyiapkan kajian ini kepada:

1. YAA Dato’ Haji Abd Hamid Haji Abd. Rahman, Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.
2. YAA Dato’ Haji Md. Yusup Che The/Teh, Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang.
3. YA Haji Abdul Rahman Md. Yunus, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, Pahang.
4. YA Othman Ibrahim, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.
5. Puan Hajah Saidah Mohd. Fadzluh Suhaimi, Ahli Majlis Agama Islam Selangor dari tahun 1975 hingga 1991.
6. Dr. Siti Zubaidah Ismail, pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-undang kerana bersama-sama terlibat dalam pengumpulan data makalah ini di Mahkamah Syariah Pulau Pinang.
7. Encik Mohamad Onn Abd. Aziz, Penolong Kanan Pendaftar, Bahagian Penyelidikan dan Tugas-tugas Khas, Mahkamah Persekutuan Malaysia.
8. Tuan Haji Abdul Wahid Haji Md. Ali al-Fakwie, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Temerloh.
9. Encik Abdul Razak, Penolong Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang.
10. Encik Rosli Taib, Penolong Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.
11. Encik Yusri Salleh, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Pulau Pinang.
12. Saudari Nor Haslina Hussain dan Saudari Suriati Ab. Ghani, kedua-duanya pelajar Sarjana Muda Syariah di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya kerana membantu mengumpulkan maklumat untuk laporan ini. Saudara Mohd. Zaidi Mohd. Daud, Fellow SLAI dan calon PhD di Jabatan Syariah dan Undang-undang kerana mencari bahan rujukan.

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim dan Abdul Majeed Mackeen, 1974. "Malaysian Cases on Islamic Law". 4 Jilid. Mimeograph. Mimeograph dalam Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya. (Stensilan)
- Ahmad Hidayat Buang, 2005. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Univesiti Malaya, hlm. 15.
- Ahmad Hidayat Buang (ed.), 2004. *Fatwa di Malaysia*. t.t.: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang, 2008. "Penulisan Teks Penghakiman dalam Perundangan Islam" dlm. Ruzman Md. Noor (ed.). *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 1–18.
- Buchanan, Jack R. dan Fennell, Richard D., 1981. "Model-Directed Information Systems for Management of the Federal Courts" dlm. *Management Science* 27:8, hlm. 887, Ogos 1981.
- Dwayne Cox, "The Rise of Confidentiality: State Courts on Access to the Public Records During the Mid-Twentieth Century" dlm. *The American Archivist* 68:2, hlm. 312, 2005.
- Hinson, Christopher L., "Legal Informatics: Opportunities for Information Science" dlm. *Journal of Education for Library and Information Science* 46:2, hlm. 134, 2005.
- Hooker, M. B., 1984. *Islamic Law in South-East Asia*. Singapura: Oxford University Press, hlm. 282.
- <http://www.badilag.net/statistik-perkara/7969-informasi-keperkaraan-peradilan-agama-tahun-2010.html> (Capaian pada 17 Ogos 2011).
- <http://app1.mcys.gov.sg/Portals/0/Files/SPRD/Key%20Indicators%20on%20Marriages%20and%20Divorces,%202004-2009.pdf> (Capaian pada 17 Ogos 2011).
- <http://www.badilag.net/statistik-perkara/7969-informasi-keperkaraan-peradilan-agama-tahun-2010.html> (Capaian pada 17 Ogos 2011).
- Jalaluddin Ali Hassan, 1989. "Implementing an Islamic Information System for Strategic Management: The Malaysia Experience". Kertas kerja dalam Third Congress of Muslim Librarian and Information Scientists. Ankara: Ministry of Culture and General Directorate of Libraries and Publications, Jilid 1, hlm. 424–47, 24–26 Mei 1989.
- K. Mengersen *et al.*, "Causality and Association: The Statistical and Legal Approaches" dlm. *Statistical Science* 22:2, hlm. 227, 2007.
- Mehrur Siraj, "The Shariah Court of Singapore and Its Control of the

- Divorce Rate*” 5:1 *MLR* 148–59, 1963.
- Meshal, Reem A., 2006. “*The State, the Community and the Individual: Local Custom and the Construction of Orthodoxy in the Sijills of Ottoman Cairo 1558-1646*”. PhD McGill University, hlm. 124–29.
- Muhamad Sufian Hashim, “The Relationship between Islam and the State in Malaya” dlm. *Intisari* 1:1, hlm.13, 1962
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 2005. “Syariah Court: Delay in the Delivery System of Administration of Justice” (teks dalam bahasa Melayu). Kertas kerja dalam Forum on the Right to an Expeditious and Fair Trial. Kuala Lumpur, 7–8 April 2005, hlm. 23.
- Singapura. Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan Singapura. *Annual Report of the Registry of Muslim Marriage and the Syariah Court*. t.t.: Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan Singapura.